



KENYATAAN MEDIA

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
IBU PEJABAT, PUTRAJAYA



UNTUK SIARAN

BILANGAN 3 /2023 (CPA)

TARIKH 3 MEI 2023

PERKARA: PENGENAAN DUTI EKSAIS KE ATAS CECAIR ATAU GEL BERNIKOTIN YANG DIGUNAKAN UNTUK ROKOK ELEKTRONIK DAN VAPE.

1. Berkuatkuasa 1 April 2023 melalui Pewartaan Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2023 , duti eksais pada kadar RM0.40 akan dikenakan bagi setiap mililiter cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan *vape*.
2. Pengutipan duti eksais bagi *vape* bermula bulan Mei tahun ini dengan pemain industri *vape*, khususnya pengilang tempatan yang mengeluarkan produk cecair atau gel mengandungi nikotin, diberi tempoh sehingga 30 April ini untuk mendaftarkan aktiviti pengilangan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).
3. Setakat ini, hanya tujuh 10 syarikat sahaja berdaftar . Tujuh (7) permohonan lesen baharu *vape* bernikotin yang berdaftar dan tiga (3) pelesen sedia membuat permohonan tambah produk *vape* bernikotin.
4. Pendaftaran kurang memberangsangkan kerana kebanyakan cecair atau gel bernikotin ini diimport dari luar negara terutamanya *vape* pakai buang dan bukan dihasilkan dari kilang tempatan.

Sekian, terima kasih.

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

IBU PEJABAT , PUTRAJAYA

 cpa@customs.gov.my

 www.customs.gov.my

 [kastam.malaysia.official](https://www.instagram.com/kastam.malaysia.official)

 03-8882 2100

 [JabatanKastamDirajaMalaysia](https://www.facebook.com/JabatanKastamDirajaMalaysia)

 03-8889 5884

 [@KastamMalaysia](https://twitter.com/KastamMalaysia)